

# Kumpulan serpihan cuba huru-ha&an negara – PM

U.M. 25 AUG 1989

Oleh

**Wan Ahmad Wan Hassan**

GUA MUSANG 24 Ogos  
— Perdana Menteri, Datuk  
Sri Dr. Mahathir Mohamad  
menyifatkan usaha - usaha  
menubuhkan kumpulan ser-  
pihan sebagai percubaan un-  
tuk menghuru - harakan ne-  
gara dan perpaduan rakyat  
yang mula menampakkan  
kekukuhan sekarang.

Beliau berkata, dengan itu,  
rakyat jangan mudah ter-  
pengaruh dengan dakyah -  
dakyah kumpulan tersebut  
yang mempunyai niat dan  
tujuan untuk menjejaskan  
perpaduan dan keamanan  
yang ada.

“Terdapat orang - orang  
yang menyokong kumpulan  
serpihan mahu berpisah dari  
kumpulan itu tetapi malu,  
sama ada kerana sudah ter-  
ikat dengan budi atau seba-

gainya,” tegas beliau semasa  
berucap merasmikan me-  
syuarat perwakilan UMNO  
bahagian Gua Musang di  
dewan Sekolah Rendah Jenis  
Kebangsaan Cina di sini hari  
ini.

Isteri Perdana Menteri,  
Datuk Sri Datin Paduka Dr.  
Siti Hasmah Mohamad Ali  
hadir sama di majlis itu di  
samping Menteri Besar, Tan  
Sri Haji Mohamed Yaacob,  
timbangannya Datuk Ahmad  
Rastom Ahmad Maher, Ke-  
tua Penerangan UMNO Ma-  
laysia, Senator Datuk Haji  
Hussein Ahmad dan lain -  
lain pemimpin UMNO.

Ketibaan Perdana Menteri

disambut dengan perarakan  
menjunjung pulut semangat  
oleh kaum wanita di sam-  
ping lebih 10,000 orang yang  
menunggu dari awal untuk  
mendengar amanat beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir  
yang juga Presiden UMNO  
Malaysia berkata, terdapat  
penyokong kumpulan ser-  
pihan yang mahu meminta  
pertolongan dari UMNO se-  
telah termakan budi kum-

**LIHAT MUKA 2 v**

## Kumpulan serpihan cuba huru- harakan negara - PM

pulan itu tetapi UMNO tidak menjanjikan pertolongan kepada mereka.

Kalau mereka mahu masuk UMNO, katanya, kita bersedia menerima mereka yang tidak bersetuju dengan kepimpinan kumpulan serpihan itu.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, ada penyokong kumpulan serpihan itu telah menolak dan mahu menyokong UMNO sebagai sebuah parti yang berjaya menyatupadukan orang - orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, mereka yang menyokong kumpulan serpihan seperti Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Kadir Sheikh Fadzir yang menyertai semula UMNO telah diberi tempat dalam Majlis Tertinggi UMNO sebagai Naib Presiden dan ahli MT.

Beliau memberitahu dalam perkembangan terbaru pula, bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah menyertai semula UMNO dan begitu juga Datuk Shahrir Abdul Samad.

Beliau menarik perhatian bahawa orang - orang Melayu mestilah menentukan sokongan mereka kepada UMNO untuk kejayaan parti dan akan dapat kekal memerintah untuk kebahagiaan rakyat.

"Kita mahu berkhidmat kepada rakyat dan kita tidak pernah membuat janji yang di luar kemampuan kita malah kita dapat membangun negara melalui perpaduan.

"Kalau kita berpecah - belah maka akan memudahkan orang lain untuk menguasai kita atau menghina kita dan kita hendaklah melupakan perasaan kenegerian tetapi sebaliknya memiliki sikap rasa satu rumpun bangsa," katanya.

Beliau juga mengingatkan ahli - ahli UMNO supaya jangan cabar mencabar dalam pemilihan parti sambil memuji UMNO bahagian Gua Musang yang dapat mengekalkan perpaduan dalam parti sehingga tidak ada sebarang pertandingan dalam semua jawatan di mesyuarat agungnya hari ini.

Katanya, ahli - ahli UMNO di bahagian ini telah mencapai angka 11,000 orang dan dalam hubungan ini penduduk dalam jajahan ini hendaklah terus bersatu untuk menjamin kemenangan dalam pilihanraya yang belum tentu lagi bila masanya.

Perdana Menteri memberi jaminan akan memberi layanan istimewa kepada sebarang permohonan untuk pembangunan di kawasan ini dari pemimpin - pemimpin UMNO kerana kawasan ini terpencil dan tidak dibayangkan dengan sewajarnya.

"Kita berharap dengan perkembangan yang memberangsangkan dalam UMNO bahagian Gua Musang, akan menjadi UMNO terkuat di negeri ini yang memberi harapan kepada UMNO dan Barisan Nasional untuk mengekalkan

pengaruhnya dalam pilihanraya terutama di kawasan ini," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat negeri ini supaya menoleh ke belakang meneliti sejarah semasa PAS berkuasa selama 18 tahun yang seharusnya menjadi pengajaran kepada rakyat.

Katanya setelah UMNO berjaya mengambil alih pemerintahan negeri ini, pada tahun 1977 LJMNO berjaya membawa perubahan kepada nasib rakyat negeri ini dengan memulihkan semula pembangunan yang dapat dilihat kejayaannya.

Tetapi dalam keadaan yang demikian, katanya, ada

golongan yang iri hati terhadap kerajaan dari orang - orang yang tamak kuasa yang cuba menubuhkan kumpulan serpihan dan sekarang ternyata tidak mendapat sokongan dari orang Melayu.

Dalam lawatan ke jajahan Gua Musang hari ini Datuk Sri Dr. Mahathir telah mendengar taklimat pembangunan oleh ketua jajahan, Haji Wan Abdul Rashid Haji Wan Ishak.

Beliau yang diiringi oleh Menteri Besar dan pemimpin - pemimpin kerajaan negeri turut melawat tapak projek perpindahan di Kampung Tiong dekat sini.